

12/01/2000

Hishammuddin dijangka tidak dicabar

Azman Abdul Hamid

KUALA LUMPUR, Selasa - Exco Pergerakan Pemuda Umno memilih pemangku ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, untuk terus menerajui pergerakan itu pada pemilihan parti Mei depan.

Ini bermakna, Hishammuddin akan terus memimpin Pergerakan Pemuda Umno, kata ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Abdul Azim Zabidi.

"Saya yakin Hishammuddin akan kekal sebagai Ketua Pemuda dan (Exco) tiada pencalonan lain," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Pemuda Umno, di sini hari ini. Turut hadir Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Alwi.

Azim juga menaruh keyakinan bahawa Hishammuddin tidak akan dicabar sebagai Ketua Pemuda dalam pemilihan Mei depan.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat dengan cawangan belia Parti Demokratik Alaf Baru Korea, di sini, selaku Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno.

Mengenai kerelaan Hishammuddin untuk tidak bertanding jawatan Ketua Pemuda dalam pemilihan kali ini, beliau berkata, ia menunjukkan beliau mengutamakan kepentingan parti daripada diri sendiri.

Azim juga percaya, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan, menyatakan pendirian itu awal-awal lagi kerana tidak mahu memecahbelahkan anggota pergerakan itu, Umno dan orang Melayu.

"Saya percaya, beliau berpendapat, jika kita asyik bertanding hingga memecahbelahkan parti dan orang Melayu, lebih baik tidak bertanding.

"Itu menunjukkan beliau meletakkan kepentingan parti lebih daripada diri sendiri. Parti itu lebih utama bagi beliau," katanya.

Laporan semalam memetik Hishammuddin sebagai berkata, beliau rela tidak bertanding dalam pemilihan Mei depan sekalipun dicalonkan, jika pencalonannya menyebabkan perpecahan dalam Pemuda Umno.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, beliau akur kepada apa juga keputusan ahli pergerakan itu dalam memilih calon untuk menerajui pergerakan Pemuda, termasuk mencalonkan orang lain.

Hishammuddin memangku jawatan Ketua Pemuda pada 1998 apabila Datuk Zahid Hamidi meletakkan jawatan itu selepas didakwa bersekongkol dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)